

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 2/2/2016

Muka surat: 6

Tajuk : UNIMAS tubuh Sekolah Perniagaan

6 SARAWAK

UNIMAS tubuh Sekolah Perniagaan

Kuching: Penubuhan Sekolah Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) membuka ruang kepada golongan belia untuk menceburi bidang berkenaan, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang, berkata ia sebahagian daripada platform bagi generasi muda mendalami bidang perniagaan dan keusahawanan melalui pendedahan aspek teknikal serta kemahiran, selain akademik.

"Kita mahu graduan dilahirkan mempunyai kualiti dalam pelbagai aspek, termasuk teknikal dan kemahiran, selain akademik bagi membolehkan mereka bersaing dalam dunia pekerjaan serta perniagaan.

"Bidang perniagaan berpotensi besar untuk diterokai, bukan saja bagi pasaran tempatan, malah merangkumi pasaran global. Golongan belia perlu merebut peluang ini yang ditawarkan UNIMAS dengan menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana perniagaan," katanya selepas merasmikan Sekolah Perniagaan UNIMAS, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Kadim Suadi; Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datuk Dr Hatta Solhi dan Pengerusi Kumpulan Syarikat UNIMAS, Datuk Jabidah Monseri.

Jabu berkata, UNIMAS perlu menjalinan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam kalangan negara jiran, khususnya Indonesia dan Brunei bagi melebarkan sayap kemasukan pelajar ke sekolah berkenaan.

"Sebagai IPT yang mempunyai sekolah perniagaan pertama di Kepulauan Borneo, UNIMAS perlu memperkukuhkan landasan dengan menarik minat bukan saja anak tempatan, malah pelajar asing menyambung pelajaran ke universiti terbabit.

"Ia sekali gus membantu mempromosikan UNIMAS ke peringkat antarabangsa dan menjadi antara universiti pilihan, khususnya di Asia Tenggara dengan menarik jumlah kemasukan pelajar yang tinggi," katanya.

Disediakan oleh: Olivia Ajan
Bahagian Perancangan Dan Komunikasi